

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
MALAYSIA (MALA) KALI KE-15**

---

**TARIKH : 31 MEI 2016 (SELASA)**  
**MASA : 8.30 PAGI**  
**TEMPAT : TH HOTEL & CONVENTION CENTRE,**  
**ALOR SETAR, KEDAH**

---

**HADIR**

YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif  
Presiden MALA  
Merangkap Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) – Pengerusi Mesyuarat

Encik Mazlan bin Mohd Said  
Wakil Timbalan Presiden MALA  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Puan Siti Haslinda binti Hasan  
Setiausaha Eksekutif  
Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

Encik Mohd Nizam bin Mahayuddin  
Bendahari  
Majlis Perbandaran Kuantan

Encik Bohari bin Md Yusof  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Bandaraya Alor Setar

Encik Azlan bin Dolah  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Bandaraya Shah Alam

Encik Abd Rahman bin Abdullah  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Bandaraya Johor Bharu

Encik Mohd Irwan bin Samat  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Tuan Haji Lokman bin Omar  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Perbandaran Seremban

Encik Noorinda bin Othman  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Perbandaran Temerloh

Encik Abdul Hadi bin Wahab  
Encik Yusliza bin Othman @ Yusof  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Perbandaran Kemaman

Encik Azizan bin Hj. Mohamed  
Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA  
Majlis Perbandaran Kota Bharu

Tuan Hj. Hakim Ariff bin Md. Noor  
Encik Mohamad Najib bin Mohd. Salleh  
Encik Faisal bin Hussin  
Majlis Bandaraya Alor Setar

Tuan Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Puan Rashidah binti Jalaludin  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Encik Zainal bin Abdullah  
Puan Norrita binti Muharram  
Puan Nor Hatika binti Musa  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Puan Norfiza binti Mahfiz  
Puan Nor Hasyimah binti Tamziz  
Majlis Perbandaran Klang

Encik Mohamad Razmi bin Mat Sehat  
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Encik Abdul Halim bin Samah  
Majlis Perbandaran Kajang

Tuan Ahmad Hashim bin Bakar  
Puan Siti 'Aisyah binti Abu Bakar  
Puan Siti Nor Afizah binti Mohd Sarif  
Cik Roslinawati binti Mat Zin  
Majlis Perbandaran Port Dickson

Encik Saiful Azuar bin Ahmad Jadi  
Majlis Perbandaran Nilai

Encik Sabaruddin bin Sulaiman  
Puan Roslily binti Mohd Kamil  
Encik Mohammad Azli bin Mohd  
Majlis Perbandaran Seremban

Encik Rahmat bin Ismail  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Encik Mohd Fuad bin Musrik  
Encik Mazlan bin Somathulla  
Majlis Perbandaran Alor Gajah

Puan Nur Huda binti Sanusi  
Puan Salwa binti Abd Rashid  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

Encik Kamal Baharom bin Sumadi  
Tuan Hj. Musa bin Dimon  
Encik Saiful Akma bin Adan  
Majlis Perbandaran Batu Pahat

Puan Norfaezah binti Ismail  
Puan Salasia binti Abdullah  
Majlis Perbandaran Muar

Tuan Mohammad Shahid bin Ismail  
Encik Ahmad Nilhakim bin Abdul Rahim  
Majlis Perbandaran Bentong

Encik Yuzairy Hafiz bin Mohamad Yusuf  
Encik Mohd Yusri bin Othman  
Majlis Perbandaran Temerloh

Puan Aliza binti Yahaya  
Encik Helmy bin Mohamed Yatim  
Majlis Perbandaran Kuantan

Tuan Hj. Zulkefli bin Ibrahim  
Majlis Perbandaran Kota Bharu

Encik Muri bin Tosrip  
Majlis Daerah Sabak Bernam

Encik Ahmad Sobri bin Awang  
Majlis Daerah Kubang Pasu

Encik Che Zulkifli bin Yaacob  
Majlis Daerah Yan

Puan Siti Norhayati binti Abdul Rani  
Majlis Daerah Baling

Mohd Pauzi bin Abu Hussaini  
Majlis Daerah Lipis

#### **HADIR BERSAMA**

Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi  
Secretary General  
United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC)

-

Pemerhati / Jemputan Khas

**URUS SETIA**  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

Tuan Hj. Abdul Rahman Bin Shariff  
Penolong Pegawai Senibina Kanan

Encik Muhamad Nasir bin Abdul Salam  
Pembantu Tadbir Kanan

Cik Norhazlina binti Ismail  
Pembantu Tadbir

Cik Nur Ashikin binti Naziri  
Pembantu Tadbir

Encik Mohd Biyamin bin Razak  
Pembantu Tadbir

Cik Nurrul Shazwani Maulat Sabudin  
Pembantu Setiausaha Pejabat

---

**1.0 PERUTUSAN Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 Dato' Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat hari ini.
- 1.2 Dato' Pengerusi juga merakamkan penghargaan kepada 29 PBT yang terdiri daripada mana 54 orang wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan dari beberapa buah negeri yang hadir ke Mesyuarat MALA Kali Ke-15 ini.
- 1.3 Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan beberapa cadangan untuk memantapkan lagi MALA dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif akan mengadakan perbincangan untuk mengambil tindakan terhadap cadangan yang telah disarankan.
- 1.4 Dato' Pengerusi juga memaklumkan MALA telah melancarkan laman web MALA iaitu [www.mala.com.my](http://www.mala.com.my) dan Dato' Pengerusi menyeru mana-mana Ahli MALA yang ingin memuat naik program di PBT masing-masing boleh maklum kepada pihak urusetia.
- 1.5 MALA telah menjemput Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi, *Secretary General UCLG ASPAC* ke Mesyuarat Agung Tahunan MALA Ke 15 sebagai pemerhati kerana UCLG ASPAC akan berkerjasama dan membantu MALA di dalam merencana dan melaksanakan program-program yang telah dan akan dirancang yang memberi manfaat kepada PBT yang menjadi ahli MALA. Diharap dengan kehadiran Dr. Bernadia pada hari ini dapat memberi ruang dan peluang kepada PBT untuk mengetahui dengan lebih jelas peranan yang dimainkan oleh UCLG ASPAC dari aspek program-program yang menjurus kepada pembangunan ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, vokasional dan alam sekitar.

1.6 Dato' Pengerusi berharap mesyuarat ini akan berjalan dengan lancar.

**Tindakan : Makluman**

## **2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG YANG LALU**

2.1 Minit Mesyuarat Agung MALA Ke- 14 yang diadakan pada 08 Oktober 2015 telah disahkan dengan pindaan seperti berikut :

Perkara 4.1 Bendahari Persatuan, Encik Mohd Nizam bin Mahayuddin mencadangkan meneruskan khidmat firma juruaudit sedia ada iaitu **Tetuan Ahmad Asri & Co.**

### ***Dipinda kepada***

Perkara 4.1 Bendahari Persatuan, Encik Mohd Nizam bin Mahayuddin mencadangkan meneruskan khidmat firma juruaudit sedia ada iaitu **Tetuan Mohamed Asri & Co.**

2.2 Wakil Majlis Daerah Sabak Bernam mencadangkan untuk meluluskan pindaan Minit Mesyuarat Agung MALA Kali Ke-14. Wakil dari Majlis Perbandaran Seremban mencadangkan menyokong untuk meluluskan pindaan Minit Mesyuarat Agung MALA Kali Ke- 14.

**Tindakan : Makluman**

## **3.0 MEMBENTANGKAN DAN MENERIMA LAPORAN AKTIVITI MALA**

3.1 Laporan Tahunan Bagi Tahun 2015 - Laporan Setiausaha

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) ke-14 pada tahun 2015 telah diadakan pada 8 Oktober 2015 Seberang Perai, Pulau Pinang. Mesyuarat tersebut adalah mesyuarat agung pelantikan di mana kesemua jawatan telah dipertandingkan, kecuali jawatan Setiausaha Eksekutif dan Bendahari. Kedua-dua jawatan ini tidak dipertandingkan kerana pemegang jawatan ini hanya akan dilantik oleh Presiden atas persetujuan Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang dipilih dalam Mesyuarat Agung.

Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang telah dilantik, dipertanggungjawabkan untuk merancang serta menyusun semua aktiviti/program yang hendak dilaksanakan. Memandangkan masa yang singkat di antara bulan Oktober sehingga Disember 2015, maka aktiviti/program besar-besaran tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa tersebut. Di antara aktiviti/program yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh di antara bulan Oktober sehingga Disember 2015 adalah seperti berikut:-

- i. Menghantar surat rasmi bertarikh 16 Oktober 2015 kepada YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahalan, Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap usul-usul yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat Agung MALA ke – 14. Usul-usul tersebut adalah Penubuhan Suruhanjaya

Pihak Berkuasa Tempatan dan Pelaksanaan Kaedah dan Sistem Kenaikan Pangkat / Gred Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan (*Time Based Promotional System*) Bagi Kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dengan mengambil kira kaedah dan implikasinya seperti yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung MALA.

- ii. Mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA pada 9 November 2015 untuk berbincang serta merancang program-program yang akan diadakan sepanjang Tahun 2016.
- iii. Penubuhan Biro-Biro untuk melicinkan lagi melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti MALA. Biro-Biro yang ditubuhkan adalah seperti berikut:-

#### BIRO KOMUNIKASI KORPORAT

Fungsi Biro Komunikasi Korporat adalah untuk memupuk hubungan korporat di antara agensi berkaitan, menerbitkan bahan-bahan penerbitan MALA, menyelaraskan dan mengemaskinikan kandungan laman sesawang MALA dan menguruskan liputan media mengenai MALA.

#### BIRO SUKAN DAN REKREASI

Fungsi Biro Sukan dan Rekreasi adalah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi untuk Ahli-Ahli MALA.

#### BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Fungsi Biro Kebajikan dan Sosial tertumpu kepada perkara-perkara berkaitan perhubungan sosial PBT dan masyarakat serta kebajikan warga kerja PBT.

#### BIRO TRANSFORMASI & INOVASI

Fungsi Biro Transformasi dan Inovasi adalah untuk menggalakkan serta meningkatkan budaya inovasi melalui pemikiran kreatif untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus (*good governance*) dan seterusnya memperkasakan peranan dan tugas PBT selaras dengan Pelan Transformasi PBT.

#### BIRO PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Fungsi Biro Perhubungan Antarabangsa adalah untuk membentuk dan merapatkan jaringan dan perhubungan dua hala dan multilateral, di antara PBT Malaysia dengan PBT dan persatuan PBT di peringkat antarabangsa.

Tumpuan telah diberikan untuk merancang serta mengatur program-program untuk dilaksanakan dalam tahun 2016 di mana satu carta perbatuan aktiviti/program yang dirancang dan akan diadakan sepanjang tahun 2016.

Bagi membolehkan MALA bergerak secara aktif dalam merencanakan serta melaksanakan aktiviti/program yang dapat memberi manfaat kepada semua PBT di Malaysia, Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA telah melakukan satu kunjungan

hormat kepada YBhg. Datuk Haji Mohamad Mentek, Ketua Setiausaha KPKT pada 7 Mac 2016 untuk memohon pertimbangan bagi mendapatkan Peruntukan Pelaksanaan Program Tahun 2016. Hasil pertemuan tersebut KPKT telah bersetuju memberikan sumbangan kewangan sebanyak RM200,000.00.

## KESIMPULAN

Pemangkin kejayaan setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA sebenarnya ialah penglibatan Ahli MALA itu sendiri. Tanpa kerjasama dan sokongan ahli, tidak mungkin MALA diiktiraf sebagai sebuah persatuan yang sangat aktif dalam kalangan agensi dan jabatan lain dalam kementerian.

Kejayaan Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing adalah disebabkan komitmen yang tinggi diberikan mereka tanpa mengira masa dan tenaga. Kerjasama erat antara kedua-duanya memastikan perjalanan aktiviti dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA yang memberi peluang kepada kami untuk memberikan khidmat yang terbaik demi memastikan MALA sentiasa bergerak aktif. Tidak kami lupakan, sekalung penghargaan buat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sentiasa memberikan sokongan kepada MALA.

Kejayaan Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing adalah disebabkan komitmen yang tinggi diberikan mereka tanpa mengira masa dan tenaga. Kerjasama erat antara kedua-duanya memastikan perjalanan aktiviti dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif MALA yang memberi peluang kepada kami untuk memberikan khidmat yang terbaik demi memastikan MALA sentiasa bergerak aktif. Tidak kami lupa, sekalung penghargaan buat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sentiasa memberikan sokongan kepada MALA.

## **Tindakan : Makluman**

### 3.2 Aktiviti Semasa – Laporan Kejohanan Sukan MALA

- i. Kejohanan Futsal Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Majlis Bandaraya Alor Setar bertempat di Gelanggang D'Futsal, Titi Gajah, Alor Setar, Kedah pada 18 hingga 19 Mac 2016.
- ii. Kejohanan Boling Piala Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan MALA & Piala Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2016 anjuran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bertempat di Melaka International Bowling Centre, MITC, Melaka pada 8 hingga 10 April 2016.
- iii. Kejohanan Sepak Takraw MALA 2016 anjuran Majlis Perbandaran Kemaman bertempat di Dewan Seri Amar, Majlis Perbandaran Kemaman pada 13 hingga 14 Mei 2016.

- iv. Beberapa lagi kejohanan lain yang akan dianjurkan oleh beberapa buah Pihak Berkuasa Tempatan, antaranya ialah Kejohanan Badminton anjuran Majlis Perbandaran Bentong pada 23 hingga 25 September 2016, Kejohanan Dart dan Karom anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 29 hingga 30 Oktober 2016, Kejohanan Bola Jaring dan Golf anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 9 hingga 10 Disember 2016 dan Majlis Penutup Kejohanan Sukan MALA yang akan diadakan di kawasan Seberang Perai pada 11 Disember 2016.
- v. Manakala Kejohanan Ping Pong anjuran Majlis Perbandaran Kajang pada 6 hingga 7 Ogos 2016 masih belum diputuskan lagi.

#### **Tindakan : Makluman**

Sekiranya ada pihak PBT yang ingin menganjurkan kejohanan, pihak PBT boleh memaklumkan kepada Biro Sukan dan Rekreasi. Pihak Biro Sukan dan Rekreasi akan mengumpulkan semua cadangan dan permohonan penganjuran kejohanan dan akan dibincangkan di dalam mesyuarat untuk dipertimbangkan.

#### **Tindakan : Ahli MALA**

### **4.0 MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN**

- 4.1 Mesyuarat mengambil maklum pembentangan penyata kewangan oleh Bendahari MALA, Encik Mohd Nizam bin Mahayuddin.
- 4.2 Penyata kewangan yang disediakan telah disyaratkan untuk diaudit oleh juruaudit swasta yang dilantik iaitu Tetuan Mohamed Asri & Co.
- 4.3 Bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, jumlah penerimaan adalah sebanyak RM87,500.00 manakala pembayaran adalah sebanyak RM36,944.00. Terdapat lebihan penerimaan pembayaran sebanyak RM50,556.00 dan apabila ditambah dengan baki pada awal tahun, jumlah keseluruhan bagi penyata penerimaan dan pembayaran adalah sebanyak RM134,867.00.
- 4.4 Bagi penyata pendapatan dan perbelanjaan, jumlah pendapatan adalah sebanyak RM165,500.00 dengan pecahan yuran tahunan sebanyak RM 154,000.00, yuran masuk sebanyak RM11,000.00 dan yuran AGM sebanyak RM500.00. Pada mesyuarat agung tahun sebelumnya, ahli jawatankuasa telah memberi peruntukkan bagi ahli-ahli baru yang menyertai MALA. Dari segi perbelanjaan, perbelanjaan alatulis dan pencetakan adalah sebanyak RM3,295.00, ganjaran juruaudit sebanyak RM800.00, kenaikan bank sebanyak RM18.00, perbelanjaan mesyuarat agung sebanyak RM20,455.00 dan yuran perakaunan sebanyak RM1,200.00. Terdapat lebihan bagi jumlah penyata pendapatan dan perbelanjaan sebanyak RM139,732.00 berbanding tahun 2014, terdapat pengurangan sebanyak RM411,850.00. Pengurangan yang ada pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh pelupusan kira yuran tahunan.
- 4.5 Bagi imbalan penyata pada tahun berakhir 31 Disember 2015, jumlah aset semasa adalah berjumlah RM212,867.00 manakala liabiliti semasa pelbagai pemiutang pula berjumlah RM74,654.00.

- 4.6 Bagi pelbagai pemiutang, perbelanjaan sukan terakru yang berjumlah RM72,500.00 adalah disebabkan oleh masalah pembayaran yang belum dijelaskan kepada PBT yang menganjurkan sukan dan pembayaran kepada PBT akan dijelaskan kecuali kepada PBT yang masih belum membayar yuran tahunan.
- 4.7 Pihak Ahli Jawatankuasa Eksekutif telah berjumpa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak kementerian telah meluluskan sumbangan kewangan sebanyak RM200,00.00 bagi pihak MALA menjalankan program dan aktiviti. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenakan syarat untuk pihak ahli jawatankuasa eksekutif membuka akaun baru untuk menyalurkan sumbangan kewangan yang diperuntukkan dari akaun sedia ada persatuan.
- 4.8 Bendahari Eksekutif mencadangkan agar akaun baru yang akan dibuka ini, dibuka di Malayan Banking Berhad, Jalan Beserah, Kuantan bagi memudahkan proses memasukkan peruntukan.
- 4.9 Wakil dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya mencadangkan agar PBT yang masih berhutang dimaklumkan atau diberi tuntutan bagi menyelesaikan hutang yang masih tertunggak sebelum penutupan akaun pada akhir tahun ini.

**Tindakan : Bendahari**

- 4.10 Wakil dari Majlis Perbandaran Klang mencadangkan untuk meluluskan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan disokong oleh Majlis Perbandaran Port Dickson.

**Tindakan : Makluman**

## **5.0 MELANTIK DAN MENGESAHKAN SEBUAH FIRMA JURUAUDIT**

- 5.1 Bendahari MALA, Encik Mohd Nizam bin Mahayuddin mencadangkan meneruskan khidmat firma juruaudit sedia ada iaitu Tetuan Mohamed Asri & Co.
- 5.2 Cadangan disokong oleh semua ahli yang hadir.

**Tindakan : Bendahari**

## **6.0 MEMBINCANGKAN USUL-USUL YANG TELAH DIHANTAR KEPADA SETIAUSAHA EKSEKUTIF SEKURANG-KURANGNYA SEPULUH (10) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG DIADAKAN**

— Tiada —

## **7.0 HAL-HAL LAIN**

- 7.1 Wakil dari Majlis Perbandaran Klang mencadangkan agar Setiausaha Eksekutif membuat hebahan di laman web MALA bagi memudahkan kesemua ahli MALA mengemukakan usul kepada pihak Setiausaha Eksekutif.

**Tindakan : Setiausaha Eksekutif**

- 7.2 Wakil dari Majlis Perbandaran Seremban mencadangkan setiap ahli MALA membantu untuk membuat hebahan tentang kewujudan MALA kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri masing-masing.

**Tindakan : Ahli MALA**

## **8.0 UCAPAN Pengerusi DAN UCAPAN PENANGGUHAN**

- 8.1 Dato' Pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli MALA dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang dapat hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan MALA Kali Ke-15.

- 8.2 Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memberi sokongan kepada MALA. YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT mencadangkan agar Dato' Pengerusi menghantar surat kepada beliau untuk memohon sokongan daripada kementerian bagi membuat promosi dan hebahan kepada PBT yang belum menjadi ahli MALA supaya menjadi ahli dengan segera. Dato' Pengerusi meminta Setiausaha Eksekutif menyediakan surat sokongan dengan segera.

**Tindakan : Setiausaha Eksekutif**

- 8.3 Dato' Pengerusi juga memaklumkan tentang pelaksanaan *time base* bagi kakitangan PBT. Pihak MALA akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) berhubung pelaksanaan *time base* ini.

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKT mencadangkan agar Dato' Pengerusi mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Menteri KPKT, Menteri KPKT dan seterusnya YAB Perdana Menteri. Setiausaha Eksekutif diminta untuk mengatur perjumpaan ini dan sediakan kertas cadangan yang lengkap untuk diserahkan semasa perjumpaan tersebut.

YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKT juga menyarankan agar Dato' Pengerusi berjumpa dengan YAB Menteri Besar / YAB Ketua Menteri /atau YB EXCO yang berkaitan di PBT masing-masing. Sekiranya perjumpaan ini tidak boleh dibuat secara bersama adalah dicadangkan untuk Ahli Jawatankuasa Eksekutif mengetuai perjumpaan ini di negeri masing-masing bersama-sama dengan PBT yang menjadi Ahli MALA. Walau bagaimanapun, perjumpaan ini walaupun secara berasingan tetapi mestilah membawa satu mandat yang sama untuk dibincangkan bersama dengan YAB Menteri Besar / YAB Ketua Menteri /atau YB EXCO yang berkaitan di negeri masing-masing.

- 8.4 Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa MALA dicadangkan untuk 'turun ke akar umbi' oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKT. Semua kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan perlu tahu tentang kewujudan MALA yang akan memperjuangkan kakitangan PBT. Juga akan berjuang untuk membawa MALA ke persada antarabangsa.
- 8.5 MALA juga akan mengadakan satu persidangan di peringkat ASEAN pada tahun 2017 dan akan bersama dengan KPKT di dalam *World Urban Forum 2018*. MALA juga diminta untuk bersama dengan I-KPKT terutamanya penglibatan dari segi pembentukan silibus supaya program yang dijalankan di I-KPKT menjurus kepada keutamaan PBT disamping mengadakan Bengkel Inovasi yang dijadualkan pada tahun ini.
- 8.6 Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa pada Mesyuarat Agung Tahunan MALA Kali Ke-16 Tahun 2017 akan diadakan pemilihan Jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif. Dato' Pengerusi berharap pada tahun 2017 akan ada ramai lagi wakil-wakil PBT yang hadir dan membuat pemilihan yang tepat untuk meneruskan kesinambungan bagi program-program yang akan dilaksanakan oleh MALA.
- 8.7 Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi, *Secretary General UCLG ASPAC* bersetuju untuk membantu MALA dan berkolaborasi dengan MALA dalam menjalankan program yang telah dirancang.
- 8.8 Dato' Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir dan berharap hasrat MALA akan tercapai.
- 8.9 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari.

---

Disediakan Oleh :



**(SITI HASLINDA BINTI HASAN)**

**Setiausaha Eksekutif**

Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia

Disahkan Oleh :



**(DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF)**

**Presiden**

Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia